

**KAEDAH DAN PERATURAN IMPORT
EKSPORT KAYU-KAYAN
TIMBER IMPORT EXPORT RULES AND
REGULATIONS (TIER)**



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(MTIB)**

PINDAAN SEHINGGA 15 JAN 2020

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

DEFINISI	4
SEKSYEN A – SYARAT DAN SEKATAN UTAMA	10
1. TEMPOH SAH LESEN	12
2. SES	12
3. PEMERIKSAAN FIZIKAL KAYU	12
4. SYARAT DAN SEKATAN	13
SEKSYEN B – IMPORT	14
1. JENIS KAYU DAN KELUARAN KAYU	16
2. LARANGAN PENGIMPORAN	16
3. PERMOHONAN PERMIT/SIJIL CITES	17
SEKSYEN C – EKSPORT	18
1. KAYU BALAK	20
2. KAYU JARAS	20
3. MEMPULUR BALAK BERKUPAS	20
4. BALAK PALMA	20
5. BALAK TANAMAN	21
6. KAYU BAKAU	21
7. KAYU GERGAJI	21
8. KAYU GERGAJI DALAM KUMPULAN	23
9. KAYU PALANG	24
10. KAYU LANDASAN DAN LINTASAN KERETAPI	25
11. "BAULKS"	25
12. KAYU GETAH BERGERGAJI	26
13. PENANDAAN NOMBOR LOT BUNGKUSAN	26

14.	KELUARAN KAYU LAIN	27
	14.1 KAYU S1S, S2S DAN S3S	27
	14.2 KAYU BERKETAM (S4S)	27
	14.3 KAYU E1E, E2E, E3E DAN E4E	28
	14.4 KOMPONEN PERABOT	28
	14.5 KAYU GETAH BERGERGAJI YANG DITANGGAM JEJARI	28
	14.6 KAYU PANCANG PERTANIAN	29
	14.7 KAYU ALAT ANGKUT TIDAK DIPASANG	30
	14.8 PENGADANG GELONGSOR DAN BALAK DATAR	30
15.	PERMOHONAN PERMIT/SIJIL CITES	31
16.	KELUARAN BUKAN KAYU	32
	16.1 ROTAN	32
	16.2 BULUH	32
	LAMPIRAN A – PERINTAH SES KAYU	34
	LAMPIRAN B – SENARAI PRODUK KAYU DAN KELUARAN KAYU YANG MEMERLUKAN LESEN/PERMIT IMPORT DAN LESEN EKSPORT MTIB	36
	LAMPIRAN C – SENARAI SPESIS KAYU TERJADUAL DI BAWAH CITES	38
	LAMPIRAN D – KAYU PANCANG PERTANIAN	42
	LAMPIRAN E (I) – PENGADANG GELONGSOR DAN BALAK DATAR	44
	LAMPIRAN E (II) – PENGADANG GELONGSOR DAN BALAK DATAR	46

DEFINISI

Melainkan sesuatu itu terjawab maksudnya di dalam peraturan ini, tafsiran di bawah hendaklah diikuti-

- Balak** : Mana-mana bahagian yang dipotong dari sebatang pokok berukuran perepang tidak kurang dari 12 inci (30 cm) pada hujung yang terbesar, yang belum disediakan untuk kegunaan selain daripada dibuangkan kulit dan dahannya atau masih mempunyai kulit.
- Balak Palma** : Batang sawit, batang kelapa, batang nibung dan semua jenis palma yang seumpamanya.
- Balak Tanaman** : Mana-mana bahagian yang dipotong dari sebatang pokok yang ditanam di dalam kawasan berskala kecil (bawah 40 hektar) selain daripada hutan simpan dan hutan tanah kerajaan yang belum diproses untuk kegunaan, selain daripada dibuangkan kulit dan dahannya atau masih mempunyai kulit.
- Baulks* : Kayu gergaji segi empat bujur (termasuk segi empat sama) yang mempunyai luas muka keratan 60 inci persegi dan ke atas.
- Beruti** : Kayu gergaji yang mempunyai muka keratan segi empat bujur dan berukuran tebal yang sama atau melebihi setengah daripada ukuran lebarnya.
- Eksport** : Membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara atau meletakkan apa-apa kayu dalam suatu vesel, pengangkut atau pesawat udara bagi maksud supaya kayu itu dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara.
- Import** : Membawa atau menyebabkan dibawa apa-apa kayu ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara tetapi tidak termasuk transit kayu dan pemindahan kayu ke pengangkut lain yang "bona fide".

- Kayu : Keluaran atau mana-mana daripada keluaran yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Akta 105.
- Kayu Api : Mana-mana bahagian yang dipotong dari sebatang pokok berukuran perepang kurang dari 4 inci (10 cm) pada hujung yang terbesar dan ukuran panjang di bawah 5 kaki yang belum disediakan untuk kegunaan bahan api selain daripada dibuangkan kulit dan dahannya atau masih mempunyai kulit.
- Kayu Berketam : Kayu D4S atau S4S, iaitu kayu gergaji yang diketam licin dengan menggunakan mesin pengetam pada semua empat permukaan kayu (permukaan dan tepi) di sepanjang kepingan kayu berkenaan.
- Kayu E1E, E2E, E3E dan E4E : Kayu berketam di mana satu bagi E1E, dua bagi E2E, tiga bagi E3E atau empat bagi E4E sudut-sudut (di antara permukaan memanjang) dibulat atau ditarah di sepanjang kepingan semasa proses pemesinan.
- Kayu Gergaji : Kayu yang digergaji kepada saiz tertentu, dengan atau tanpa wen dan mempunyai segi empat bujur (termasuk segi empat sama).
- Kayu Gergaji Ditanggam Jejari : Kayu gergaji yang ditanggam jejari dan dilekatkan dengan sempurna dengan bahan perekat pada kepingan-kepingan kayu secara hujung-ke-hujung dan tidak diketam, dipelas atau dibentuk.
- Kayu Jalur : Kayu gergaji yang berukuran tebalnya kurang dari 2 inci dan lebar kurang dari 6 inci.
- Kayu Jaras : Mana-mana bahagian yang telah dipotong dari sebatang pokok, berukuran perepang kurang dari 12 inci (30 cm) pada hujung yang terbesar yang belum disediakan untuk kegunaan selain daripada dibuangkan kulit dan dahannya atau masih mempunyai kulit.
- Kayu Kumai : Kayu gergaji yang telah diketam, dimesin di sepanjang kepingan berkenaan dan dibentuk kepada satu profil tertentu tanpa mempunyai bentuk segiempat.

Kayu Palang	: Beruti yang dipasang melintang di tiang elektrik atau telefon untuk tujuan memegang kabel atau wayar elektrik.
Kayu Pancang Pertanian	: Kayu yang tebal dan lebar pancang tidak melebihi 2 inci, yang digunakan untuk menyokong tumbuhan.
Kayu Pendek	: Kayu gergaji pendek yang berukuran kurang daripada 6 kaki panjang.
Lesen/Permit	: Berhubung dengan pengeksportan atau pengimportan kayu, ertinya suatu perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh Lembaga.
Mempulur Balak Berkupas	: Bahagian mempulur kayu yang dikeluarkan sebagai hasil sampingan dalam pengeluaran venir berkupas-putar dari balak berkupas.
Papan Gentian	: Papan gentian yang dihasilkan daripada gentian halus kayu yang dimampatkan menjadi produk kepingan papan lebar tertentu.
Papan Komposit	: Papan panel yang dihasilkan daripada bahan sama ada venir, jaluran kayu, serpai kayu, gentian kayu dan lain-lain.
Papan Lapis	: Kepingan tiga atau lebih kepingan venir yang dilaminasikan dengan perekat mengikut arah ira kayu yang bersudut tepat di antara satu sama lain.
Pengredan Kayu	: Pengkelasan pemeringkatan kayu gergaji yang merujuk kepada Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia (edisi semasa) dan Pemeringkatan Kayu Getah Gergaji Malaysia (edisi semasa).
Pembekal	: Seseorang yang membekalkan kayu bagi maksud eksport yang ditakrifkan di bawah Akta 105.
Pembeli	: Seseorang yang di dalam atau luar negara yang membuat kontrak untuk membeli kayu.

- Pemeringkat : Seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang sah bagi memeringkat kayu gergaji di bawah Akta 105, yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pemeringkatan.
- Pemproses : Seseorang yang menjalankan perniagaan mengering tanur atau mengawet kayu yang ditakrifkan di bawah Akta 105.
- Pengeksport : Seseorang yang mengeksport kayu yang ditakrifkan di bawah Akta 105.
- Pengendali : Seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga untuk mengendalikan loji mengawet kayu, loji mengering tanur kayu atau kedua-duanya yang ditakrifkan di bawah Akta 105.
- Pengeringan Tanur : Kaedah di mana kayu dikeringkan di dalam tanur yang mempunyai peredaran udara, suhu dan kelembapan udara yang bersesuaian dan terkawal yang ditakrifkan di bawah Akta 105.
- Pengeringan Udara : Kayu gergaji yang dikering udara ketahap kandungan lembapan seimbang dengan keadaan udara sekeliling.
- Pengimport : Seseorang yang mengimport kayu yang ditakrifkan di bawah Akta 105.
- Premis : Berhubung dengan kayu, ertinya mana-mana tempat, sama ada terbuka atau tertutup atau sama ada di atas tanah atau laut atau sama ada boleh alih atau tak boleh alih dan termasuklah mana-mana rumah, kilang, kedai, pengangkut, stor, bilik, balai, bangsal, kontena, jeti, yad, estet, ladang, gudang, pelabuhan atau lapangan terbang.
- Pulpa Kayu : Bahan berserat lignoselulosa yang disediakan secara kimia atau mekanikal memisahkan serat selulosa dari kayu.
- Ses : Ses yang dikenakan yang ditakrifkan di bawah Seksyen 20, Akta 105.

- Tanggung Jejari Dan/Atau Berlapis : Keluaran kayu yang ditanggung jejari dan/atau berlapis dan dilekatkan dengan sempurna dengan bahan perekat dan dilapiskan susunan kepingan-kepingan kayu secara muka-ke-muka dan/atau tepi-ke-tepi dan/atau hujung-ke-hujung.
- Ukuran Potongan Kayu : Tepat (*Bare*) - Digunakan untuk kayu gergaji yang berukuran sama dengan ukuran yang dinyatakan dalam kontrak semasa pemeringkatan.
- Kurang (*Scant*) - Digunakan bagi kayu gergaji yang berukuran kurang daripada dimensi yang dinyatakan dalam kontrak semasa pemeringkatan.
- Penuh (*Full sawn*) - Digunakan bagi kayu yang telah digergaji dengan ukuran lebih bagi membenarkan kekecutan dan oleh sebab itu, harus berukuran lebih daripada dimensi-dimensi yang dinyatakan dalam kontrak sehingga kayu-kayu itu kering secukupnya.
- Venir : Kepingan nipis kayu yang mempunyai ketebalan tidak lebih dari 6 mm dan diproses menggunakan mesin kupasan berputar, mesin hirisan atau mesin pembelah kayu.

***Nota:** Kandungan penuh Kaedah dan Peraturan Import Eksport Kayu-Kayan (Timber Import Export Rules and Regulations) (TIER) boleh didapati di Unit Publisiti MTIB pada awal Mac 2020. Untuk maklumat lanjut boleh hubungi (Encik Abdul Rafa Tan : 03-9282 2235 ext. 1295, Encik Mohd Fariz Ahmad : 03-9282 2235 ext. 1210 atau Encik Mohider Mat Saleh : 03-9282 2235 ext. 1388).

